



GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN HASIL PENYELIDIKAN

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN HASIL PENYELIDIKAN

Bersesuaian dengan matlamat utama penyelidikan yang dijalankan di bawah PKKM iaitu bagi menyebarkan hasil penyelidikan, kesemua laporan penyelidikan haruslah diserahkan dalam bentuk hasil yang boleh diterbitkan; berdasarkan ciri-ciri berikut:

- a) Panjang laporan tidak kurang daripada 60 halaman, termasuk jadual, graf, carta, ilustrasi, gambar, peta, diagram dan lain-lain.
- b) Laporan haruslah ditulis menggunakan kertas bersaiz 7 inchi (lebar) x 10 inchi (tinggi) (7" x 10"), jenis font Palatino Linotype dan dilangkau baris sebanyak 1.0 sahaja. (Sila rujuk template garis panduan *type setting* penulisan laporan penyelidikan yang disediakan).
- c) Sebarang rujukan haruslah menggunakan sistem rujukan APA (American Psychological Association).
- d) Format penulisan adalah seperti berikut sebagai panduan:
 - i) Halaman Tajuk (tidak diletakkan nombor halaman): Lihat **lampiran A**
 - ii) Tajuk, Nama Penulis dan Pengenalan (mulai dengan nombor halaman 1 diletakkan di bahagian bawah di sebelah tengah).
 - a. Pengenalan: haruslah memperkenalkan konsep-konsep penting dan mengulas tajuk kajian.
 - b. Latar Belakang: membincangkan pokok permasalahan dan isu-isu penting yang perlu ditangani.
 - c. Kajian Literatur: Memperinci kajian-kajian terdahulu yang pernah dibuat dalam skop, ruang lingkup dan kes yang sama atau berkaitan.
 - d. Objektif Kajian: Menjelaskan objektif-objektif kajian yang ingin dicapai.
 - e. Kepentingan Kajian: Menyenaraikan faedah yang diperolehi hasil daripada menjalankan kajian serta pihak yang boleh mendapat manfaat daripada hasil kajian.
 - f. Skop Kajian: Membataskan kajian berasaskan aspek yang ditentukan pengkaji.
 - g. Metodologi Kajian: Nyatakan sama ada kajian berbentuk Kuantitatif atau Kualitatif, pendekatan yang digunakan serta latar teoritis.
 - h. Sampel Kajian: Nyatakan populasi kajian dan distribusi, serta asas perwakilan daripada tempat, usia dan latar belakang tertentu yang ditetapkan.

- i. Instrumen Kajian: Bagi yang menjalankan kajian kuantitatif, konstruk tertentu harus ditetapkan terlebih dahulu dalam pembangunan borang soal-selidik.
- j. Kajian Rintis: Nyatakan sekiranya anda menggunakan kajian rintis. Sekiranya tidak, tidak perlu dilaporkan.
- k. Proses Pengutipan Data : Nyatakan tempoh pengutipan data dibuat, tempat dilaksanakan, tempoh masa dan pihak yang terbabit dalam menjalankan soal-selidik atau temubual, sekiranya ada.
- l. Analisis Data
- m. Perbincangan, Implikasi dan Cadangan.
- n. Kesimpulan.
- o. Rujukan.

LAMPIRAN A

LAPORAN HASIL PENYELIDIKAN (saiz 10 bold)

TAJUK:

AAA (saiz 10 bold)

OLEH:

BBBBBBBBBBBBBBBBB (saiz 10 bold)

FAKULTI XXXXXXX
UNIVERSITI MALAYA

2014